

## BAB I PENDAHULUAN

### A. Kajian Penyelidikan

Kegiatan sukan merupakan cara beraidah yang paling baik. Ia dapat mengembangkan dan menguatkan tenaga mental dan tenaga fizikal seseorang individu. Sukan adalah satu bentuk pendidikan tidak formal yang memberi peluang kepada individu untuk membina diri ke arah yang positif. Semakin cerdas otak seseorang individu maka semakin mudah individu itu mencapai nilai-nilai kehidupan yang sempurna seperti disiplin diri, rasa tanggungjawab, kepekaan kepada persekitaran dan keupayaan untuk membahagikan masa dengan baik.

Menurut Tan Sri Hamzah Abu Samah, Presiden Majlis Olimpik Malaysia, sukan ialah suatu aktiviti yang memerlukan pergerakan bertenaga anggota badan, penyertaan kemahiran dan pemikiran dan dilakukan dengan semangat yang betul. (Ooi, 1990:2)

Coakley ( 1978:12 ) menyebut bahawa sukan adalah satu aktiviti persaingan berinstitusi yang melibatkan penggunaan tenaga fizikal atau penggunaan secara relatif kemahiran fizikal yang kompleks oleh individu-individu di mana penyertaan mereka dimotivasikan oleh satu kombinasi kepuasan yang berkaitan dengan aktiviti itu sendiri dan ganjaran yang diperolehi melalui partisipasi.

Kegiatan sukan adalah amalan yang baik bagi setiap individu dan merupakan aktiviti yang sihat bagi sesebuah masyarakat. Melalui pencapaian dan semangat kesukaran yang cemerlang pula, nama dan imej kita akan disanjung tinggi. Oleh sebab itu sebarang usaha untuk meningkatkan mutu sukan patut dipuji dan diberi sokongan.

Akan tetapi bagi pelajar-pelajar universiti keinginan untuk bersukan ini biasanya diracuni oleh sentimen sukan membebankan kegiatan akademik. Maka itu segala usaha meningkatkan penyertaan pelajar dalam kegiatan sukan tidak tercapai.

Tujuan penyelidikan ini ialah untuk mengenalpasti peranan Pusat Sukan sebagai institusi tunggal yang mentadbir dan membangunkan kegiatan sukan di Universiti Malaya. Adakah Pusat Sukan telah dapat menjadi satu sistem interaksi yang dinamik, kreatif, bertanggungjawab dan saling sokong-menyokong antara komponen-komponen utama dalam kewujudan kegiatan sukan di kalangan pelajar di Universiti Malaya ? Komponen-komponen utama yang dimaksudkan ialah Pentadbiran Universiti, Pentadbiran asrama, Pentadbiran fakulti dan pelajar-pelajar.

Satu sistem interaksi ( atau boleh juga disebut sebagai sistem organisasi atau sistem pentadbiran ) yang mempunyai sifat-sifat positif seperti itu sudah sewajarnya menjadi teladan dan idaman. Adalah diyakini bahawa kewujudan sebuah sistem idaman seperti itu akan menolong meningkatkan pencapaian matlamat falsafah sukan universiti serta memperlicinkan fungsinya dengan cara yang lebih berkesan.

## **B.Matlamat-matlamat Kajian**

Kajian mengenai peranan pentadbiran dan pembangunan sukan di Universiti Malaya secara amnya masih berkurangan. Daripada suatu kes tertentu, seseorang itu tentu tidak begitu yakin untuk menarik kesimpulan tentang apakah sebab kegiatan sukan tidak begitu giat di kalangan pelajar universiti. Untuk membuat kesimpulan yang lebih menyeluruh tentang masalah ini suatu penyelidikan yang teratur, saintifik dan sistematis hendaklah dijalankan.

Berdasarkan kepada logik di atas, kajian ini meliputi matlamat-matlamat berikut :

- i. Meneliti falsafah dan matlamat Pusat Sukan , kesannya kepada individu dan sikap yang perlu dibentuk melalui kegiatan sukan.
- ii. Meneliti struktur organisasi dan fungsi pentadbiran Pusat Sukan dan ini secara langsung akan meneliti peranan pegawai-pegawai di Pusat Sukan. Interaksi Pusat Sukan dengan pelbagai komponen lain akan juga diteliti di sini.
- iii. Meneliti pembangunan kemudahan-kemudahan sukan yang dirancang dan bagaimana kemudahan-kemudahan ini akan dilaksanakan untuk meningkatkan aktiviti sukan di universiti ini.
- iv. Mengkaji dan menganalisa faktor-faktor utama yang menghalang kelincinan usaha-usaha kemajuan dan pembangunan yang disalurkan melalui Pusat Sukan.
- v. Seterusnya, kajian ini akan mengketengahkan syor-syor yang diharap dapat menyumbangkan kepada penyelesaian masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh fungsi pentadbiran Pusat Sukan dan sejauhmanakah penyelesaian yang dicadangkan dapat memperbaiki prospek pentadbiran dan pembangunan sukan di Universiti Malaya.

### C. Skop Kajian

Dalam usaha untuk menjalankan kajian ini, skop kajian telah dihadkan kepada badan utama yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran dan pembangunan sukan di Universiti Malaya iaitu Pusat Sukan Universiti Malaya yang dipilih sebagai tumpuan kajian.

Untuk meneliti sejarah perkembangan sukan di kampus, penulis telah mengimbas-kembali sehingga ke tahun 1949 untuk mendapatkan maklumat. Jangka masa antara tahun 1989 hingga 1991 Pusat Sukan telah melakukan pelbagai perubahan di dalam falsafah dan matlamatnya serta corak pentadbiran dan pembangunannya. Maka skop kajian utama latihan ilmiah adalah dalam tempoh tersebut.

### D. Metodologi Penyelidikan

Pelbagai pendekatan telah digunakan di dalam penyelidikan ini untuk mendapatkan data dan maklumat. Ianya boleh dikategorikan kepada empat pendekatan yang utama.

#### 1. Temuramah peribadi

Temuramah ini dilakukan dengan menemui unsur yang dipilih untuk mendapatkan maklumat daripada mulut unsur itu sendiri. Dalam hal ini, unsur yang dimaksudkan ialah pegawai-pegawai Pusat Sukan, pemerhati sukan, pengurus JKP Sukan dan Jasmani dan penghuni asrama.

#### 2. Pemeriksaan fail dan rekod

Selain daripada sumber asal (daripada tinjauan) data juga telah dikumpul daripada sumber sekunder seperti Buku Tahunan Universiti Malaya, Maklumat Pelajar, laporan-laporan seminar dan persidangan, majalah-majalah dan buletin-buletin.

Laporan JKP Sukan dan Jasmani Asrama Bestari sesi 1990/91 telah memberikan latar belakang yang berguna kepada kajian yang telah dijalankan. Namun kejahilan pelbagai pihak menyusun aktiviti sukan sebelum ini telah menyebabkan kekurangan catatan dan penyimpanan rekod yang baik. Ini sudah tentu sedikit-sebanyak menganggu proses pemeriksaan fail dan rekod ini.

### 3. Pemerhatian melalui penyertaan

Penulis telah menyertai pelbagai program anjuran Pusat Sukan untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai masalah-masalah pentadbiran Pusat Sukan dan cabaran serta halangan terhadap pelaksanaan program-program pembangunan. Penulis telah menjadi Pengarah Kejohanan Olahraga Tahunan Universiti Malaya yang ke-27 yang diadakan pada 5 hingga 7 haribulan September 1991. Pengalaman selama dua bulan melakukan tugas-tugas mengorganisasikan kejohanan tersebut banyak membantu penulis di dalam kajian ini. Penulis telah mengalami pelbagai masalah pengurusan, penyelarasan dan pembuatan keputusan yang melibatkan aktiviti sukan pelajar. Masalah-masalah ini tidak jelas ketika di luar pentadbiran Pusat Sukan tetapi amat ketara ketika menjalankan tugas-tugas itu sendiri.

### 4. Soal selidik

Ini merupakan pendekatan utama yang telah digunakan untuk mendapatkan 'feed back' langsung daripada pelajar. Objektif soal-selidik ini ialah untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang kegiatan sukan pelajar dan penglibatan pelajar dalam pentadbiran sukan di peringkat sekolah . Dengan ini penulis berharap untuk mengetahui sejauhmanakah penglibatan mereka nanti dalam aktiviti sukan di universiti dan adakah penglibatan mereka nanti akan selaras dengan falsafah dan matlamat sukan universiti yang digariskan oleh Pusat Sukan. Soal-selidik ini juga akan membantu penulis mengenalpasti halangan-halangan yang bakal dihadapi oleh Pusat Sukan melalui pelajar-pelajar ini dan seterusnya membantu penulis mencadangkan alternatif-alternatif untuk menangani cabaran-cabaran yang bakal dihadapi oleh Pusat Sukan.

Kumpulan sasaran penyelidikan pelajar ialah pelajar tahun pertama yang dipilih adalah daripada populasi 1991/92 Asrama Bestari sejumlah 425 orang. Asrama Bestari telah dipilih kerana penulis telah menjadi Pembantu Pelajar untuk mengorientasikan pelajar-pelajar baru di asrama itu. Sampel yang digunakan untuk kajian ialah sejumlah 100 orang. Mereka dipilih ketika Minggu Haluansiswa iaitu minggu suai kenal kepada kehidupan di universiti pada bulan Jun 1991. Pelajar diberi seminggu untuk mengisi borang soal selidik. Daripada 100 borang yang dikeluarkan, 69 orang telah memulangkan soal selidik. Perlu diberi perhatian bahawa pelajar tahun pertama ini terdiri daripada dua golongan iaitu pelajar yang kali pertama masuk pengajian di Universiti Malaya dan bekas pelajar Asasi Sains.

## E. Masalah-masalah dan Had-had Penyelidikan

### 1. Masalah-masalah

Di dalam mana-mana kajian beberapa masalah akan timbul dan kajian ini tidak terkecuali daripadanya. Dalam menyiapkan latihan ilmiah ini, beberapa masalah telah dihadapi. Namun masalah-masalah ini dapat diatasi dengan menggunakan daya diplomasi dan interaksi yang baik. Berikut adalah masalah yang dihadapi :

- i. Memperoleh data berhubung dengan responden merupakan masalah yang utama. Ini adalah kerana ada borang kajiselidik yang tidak diisi dengan lengkap. Maka penulis terpaksa merujuk kembali kepada responden untuk melengkapkan jawapannya. Ini sudah tentu melambatkan kelancaran kerja.
- ii. Pertemuan dengan pentadbir sukan sukar diatur terutama dengan pegawai-pegawai Pusat Sukan yang sibuk dengan pelbagai kejohanan dan kerja-kerja pembangunan kemudahan sukan di universiti.
- iii. Buku rujukan adalah amat kurang kerana tajuk latihan ilmiah ini tidak pernah diusahakan. Bahan bacaan yang sedia ada adalah bersifat umum. Kebanyakan rujukan hanya dapat dibuat berdasarkan laporan persidangan dan seminar sukan.
- iv. Pihak yang bertanggungjawab untuk menyimpan rekod dan laporan tidak menyimpan laporan yang lengkap. Ini menyebabkan proses penyelidikan terganggu. Namun ia dapat diatasi dengan cantuman maklumat daripada pelbagai pihak.
- v. Penulis terpaksa menjadi pengarah beberapa program sukan anjuran Pusat Sukan untuk mendapat gambaran jelas mengenai perjalanan pentadbiran dan pembangunan sukan di universiti ini. Ini sudah tentu membebankan penulis tetapi hasilnya adalah amat menggalakkan.

## 2.Had-had Penyelidikan

Minat dan kerjasama responden sewaktu menjawab borang soal-selidik adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti jumlah soalan yang ditanya, sama ada responden seorang ahli sukan atau tidak, situasi sekelilingnya dan pendekatan yang digunakan oleh penulis untuk mendapat respon.

Terdapat sejumlah 18 soalan utama dalam borang kaji-selidik tidak termasuk soalan-soalan kecil. Minat responden mungkin tinggi sewaktu mula menjawab soalan tetapi minat tersebut berkurangan bagi setiap soalan yang seterusnya. Maka itu jawapan yang diberi mungkin tidak melambangkan fikiran sebenarnya.

Sekiranya responden adalah seorang ahli sukan ia memberikan jawapan yang panjang tetapi ada responden yang menjawab luar daripada apa yang ditanya. Mungkin responden tidak memahami dengan sepenuhnya apa yang ditanya.

Situasi sekeliling juga mempengaruhi responden untuk menjawab. Misalnya sewaktu Minggu Haluansiswa adalah mudah mendapat tindakbalas yang positif daripada pelajar baru kerana mereka mengikut sahaja segala arahan penulis. (Penulis adalah salah seorang Pembantu Pelajar yang terlibat dengan Minggu Haluansiswa 1991 )

Pendekatan yang digunakan oleh penulis untuk mendapatkan balik borang kaji-selidik memberi kesan yang baik. Penulis mendapatkan bantuan rakan-rakan penulis untuk memastikan majoriti borang dikeluarkan sampai kepada penulis sebelum satu masa yang tertentu.

## F. Susunan bab

Pada bahagian awalnya, rencana latihan ini meninjau aspek-aspek seperti keperluan untuk penyelidikan, tujuan penyelidikan, skop kajian, metodologi penyelidikan dan masalah-masalah dan had-had penyelidikan. Bab 2 membincangkan mengenai latar belakang pentadbiran dan pembangunan sukan di Universiti Malaya. Bab ini dikhaskan untuk mengimbas kembali perkembangan kegiatan sukan di universiti sejak penubuhannya.

Bab 3 meneliti falsafah dan matlamat sukan yang telah ditetapkan oleh Pusat Sukan dan kesannya kepada individu dan sikap yang perlu dibentuk melalui kegiatan sukan. Penelitian terhadap struktur organisasi, fungsi pentadbiran Pusat Sukan dan peranan pegawai-pegawai serta interaksi dengan pelbagai komponen akan dibuat dalam bab 4.

Penelitian terhadap rancangan pembangunan kemudahan-kemudahan sukan akan dibincangkan dalam bab 5 dan seterusnya bab 6 diperuntukkan untuk mengkaji dan menganalisa faktor-faktor utama yang menghalang usaha-usaha kemajuan dan pembangunan yang disalurkan melalui Pusat Sukan. Dalam bab terakhir ,rencana latihan ini mengemukakan cadangan-cadangan dan prospek pentadbiran dan pembangunan sukan di Universiti Malaya.